

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN**  
**KALI KE - 5 UniMAP**  
**DI PERKARANGAN DATARAN DATO' SHEIKH AHMAD**  
**KANGAR, PERLIS**  
**PADA 4 OGOS 2009.**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Festival Konvokesyen Kali Ke-5 Universiti Malaysia Perlis di Perkarangan Dataran Dato' Sheikh Ahmad pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini memberi seribu kemeriahan kepada kami warga UniMAP.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalin.

Yang Berhormat, YB Tuan Jafferi Othman, Wakil kepada YAB Menteri Besar Perlis.

Yang Berhormat, Datuk Azizan Bin Aziz, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin.

Y. Berbahagia Tan Sri Dr. Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis dan Yang Berbahagia Puan Seri.

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Caselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Dif-Dif Kehormat, Naib-naib Canselor IPTA atau wakil dan Naib Canselor/Rektor universiti luar negara atau wakil, dan Wakil-wakil Industri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati, Warga kerja dan para pelajar UniMAP seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Sawadi Kharp

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia-Nya dan Keizinan-Nya jua maka dapatlah kita semua menganjurkan seterusnya hadir di Festival Konvokesyen untuk kali yang ke-5 ini.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2009/2010 selaku Jawatankuasa Penganjur Festival Konvokesyen Ke-5 UniMAP yang telah bekerja keras bagi memastikan kelancaran program ini, segala usaha gigih anda amat saya hargai.

**Ladies and gentlemen,**

**I deem it a great pleasure and honour to address this 5th Convocation Festival of Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). UniMAP has distinguished itself as one of the**  
BAHAGIAN MEDIA PNC - BASRI

**leading institutions for engineering studies. It is your hard work, devotion to quality, dedication of your lecturers and staff and of course, vision of our management, which is responsible for this notable achievement.**

**I am sure that each one of you has different dreams but surely you should never give up your dreams and aspirations. My advise is, you should hold on to your goals even if you stumble here and there, and learn your lessons.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Seperti mana yang kita tahu, masyarakat Perlis dan UniMAP boleh diumpamakan seperti isi dan kuku kerana jika ditanya kepada sesiapa sahaja di Perlis mengenai UniMAP, mereka semestinya akan lancar sahaja menuturkan betapa akrabnya UniMAP bersama mereka.

Atas dasar itulah, maka pada setiap tahun Festival Konvokesyen diadakan dan dipromosikan secara besar-besaran bagi menarik kunjungan warga negeri Perlis. Pada kebiasaannya, Festival Konvokesyen ini diadakan di Kg Wai iaitu berdekatan lokasi kolej kediaman UniMAP untuk memudahkan pelajar-pelajar menjayakannya.

Namun, bermula tahun lalu, UniMAP telah mengorak langkah untuk mengubah lokasi penganjuran Festival Konvokesyen

dalam usaha untuk lebih mendekatkan warga UniMAP dan masyarakat di sekitar negeri Perlis, yang mana pada tahun lalu festival ini diadakan di perkarangan Stadium Kangar manakala pada tahun ini pula, pihak pengurusan telah bersetuju memilih Dataran Dato' Sheikh Ahmad ini sebagai lokasi kedua di luar kawasan kolej kediaman.

Besarliah harapan kami untuk melihat festival ini menerima sokongan daripada masyarakat sementelah kedudukannya yang terletak di tengah-tengah bandar Kangar akan memudahkan lagi masyarakat negeri ini untuk turut serta dalam setiap aktiviti dan program yang disusun sepanjang seminggu festival ini berlangsung.

Dengan tema yang dipilih iaitu “Membangun Minda Kelas Pertama, Menyangga Modenisasi Negara” adalah menjadi impian kami warga pengurusan UniMAP untuk melihat Festival Konvokesyen ini sebagai satu wahana untuk melahirkan generasi modal insan yang berkualiti.

Harus diingat, dalam usaha memacu kemajuan negara, pemikiran dan sikap sesuatu masyarakat merupakan tonggak penting ke arah mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, saya dimaklumkan oleh pihak jawatankuasa, festival ini dirangka khusus untuk memupuk sikap minda kelas pertama dikalangan mahasiswa UniMAP.

Justeru, mahasiswa perlulah melengkapikan diri dengan pelbagai kemahiran terutama sikap dan pemikiran yang berkualiti sebagai persediaan dalam usaha untuk menjadi pentadbir dan pemacu ekonomi negara di masa akan datang.

Mahasiswa generasi baru seharusnya sudah mula belajar berfikir untuk menjadi orang pertama dalam sektor tertentu, pelopor dalam sesuatu kemahiran dan menjadi peneraju dalam industri tertentu dan mengubah cara berfikir supaya tidak lagi berada di takuk lama.

Dengan didikan dan tunjuk ajar yang betul dan memberikan lebih peluang untuk mahasiswa memberikan pendapat atau meluahkan idea-idea baru, saya yakin perkara ini akan dapat dicapai.

Dan atas sebab itulah, seperti mana penganjuran pada tahun-tahun sebelum ini, Festival Konvokesyen merupakan 100 % daya usaha mahasiswa UniMAP yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sendiri. Bermula dari promosi, aturan aktiviti, pencarian penaja, sehinggalah kepada pelaksanaan Festival ini, semuanya dicetuskan oleh mereka sendiri dengan bimbingan daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar UniMAP.

Hal ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang kemahiran baru kepada mahasiswa kerana saya percaya pembelajaran praktikal adalah medan sebenar menentukan

tahap kemahiran yang boleh disumbangkan oleh mahasiswa apabila menamatkan pelajaran kelak.

Pada malam ini juga bakal memahat sejarah baru Festival Konvokesyen UniMAP, apabila dengan daya usaha dan pemikiran kreatif barisan jawatankuasa penganjur, kita berjaya menjenamakan Festival Konvokesyen dengan nama singkatan FESTKON.

Inilah yang saya katakan sebagai inovatif dan kreatif mahasiswa. Walaupun rata-rata di kalangan mereka baru berusia di awal 20-an, namun mereka mampu memikirkan sesuatu untuk mempromosikan serta menaikkan nama UniMAP agar setanding dengan universiti lainnya di negara ini.

Insyallah, penjenamaan ini akan disempurnakan oleh DYTMM Tuanku Canselor yang kita sayangi sebentar sahaja lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Untuk makluman semua yang hadir, pada malam ini juga akan diadakan Majlis Pelancaran Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat UniMAP. Ini adalah bertepatan dengan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2010 yang disempurnakan pelancarannya oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Stadium Utama pada 1 Ogos lalu.

Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), kita juga tidak mahu ketinggalan untuk turut serta dalam kempen tersebut. Kempen seperti ini dilihat dapat menerapkan nilai-nilai patriotik di dalam diri mahasiswa. Sesuai dengan tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini iaitu **“1 Malaysia Menjana Transformasi”**.

Untuk menjadikan tema tersebut satu kenyataan perkara asas yang perlu diubah adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. Dan perkara inilah juga yang telah ditekankan oleh YAB Perdana Menteri kita sendiri semenjak beliau memegang tampuk pemerintahan negara.

Antara lainnya, beliau mengingatkan semua kaum untuk mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri memandangkan negara ini adalah negara untuk semua, tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama.

Dan untuk itu juga, UniMAP pada malam ini menyajikan persembahan kebudayaan dari pelbagai kaum dalam usaha mewujudkan semangat perpaduan dan 1 Malaysia di kalangan pelajar.



Akhir sekali, saya berharap segala pengalaman yang diperoleh daripada penganjuran Festival Konvokesyen Kali Ke-5 ini akan memberi manfaat kepada semua Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP. Jadikanlah penglibatan anda semua dalam penganjuran festival ini sebagai satu kenangan manis yang akan dikenang sehingga ke akhir hayat anda.

Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, izinkan saya menyampaikan dua rangkap pantun sebagai tanda penghargaan dan terima kasih daripada pengurusan universiti kepada jawatankuasa penganjur :

**Membelah kayu janganlah panjang,  
Itu dah memang adat sejati,  
Bersengkang mata malam ke siang,  
Menganjurkan temasya kegemilangan universiti,**

**Penggal betik penggallah puan,  
Penggal keduduk dalam empangan,  
Sekalung tahniah sejuta penghargaan,  
Pahatkan ia di sudut ingatan.**

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat ke majlis ini.

Patik juga merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.